

TARIKH	30 / 6 / 2015	SEKSYEN	Niaga
MUKA SURAT	51	RUANGAN	

Bawa jemaah haji ke Tanah Suci menggunakan pesawat B777-200

MAS, Tabung Haji meterai perjanjian

KUALA LUMPUR - Lembaga Tabung Haji (TH) telah memeterai perjanjian dengan Malaysia Airlines (MAS) bagi penerbangan sewa khas membawa jemaah haji Malaysia ke Tanah Suci pada musim haji 1436H/2015M.

Ketua Pegawai Eksekutif MAS, Christopher Mueller berkata, perjanjian tersebut akan melibatkan 78 penerbangan sewa khas membawa jemaah haji bagi penerbangan pergi dan balik ke Tanah Suci dengan menggunakan kapal B777-200.

"Penerbangan sewa khas tersebut akan berlepas ke Tanah Suci dalam dua peringkat iaitu bagi

penerbangan pertama bermula dari 16 Ogos hingga 16 September ini.

"Penerbangan peringkat kedua dijadualkan untuk meninggalkan Tanah Suci dari 29 September hingga 28 Oktober 2015," katanya.

Beliau berkata demikian sempena pemeteraian perjanjian antara TH dan MAS dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini semalam.

Turut hadir, Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai TH, Tan Sri Ismee Ismail.

Selain itu, Ismee menerangkan, perkhidmatan penerbangan sewa

khas ini akan disediakan di tujuh stesen berlepas iaitu dari Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Johor Bahru, Terengganu, Alor Setar, Kota Kinabalu dan Sarawak di antara Jeddah dan Madinah.

Tambah beliau, pengalaman serta kecekapan MAS menguruskan penerbangan sewa khas Jemaah Haji Malaysia mendorong TH untuk meneruskan kerjasama ini.

"TH amat menitikberatkan mutu perkhidmatan yang terbaik kepada jemaah haji Malaysia dan yakin MAS meneruskan perkhidmatan cemerlang yang telah diberikan selama ini," ujar Ismee.



MUELLER (kanan) bertukar dokumen perjanjian dengan Pengurus Besar Kanan Haji TH, Datuk Syed Saleh Syed Abdul Rahman (kiri) di Kuala Lumpur semalam.